


ISSUE #41/1 JUN 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



DINO

INDIVIDU DI SEBALIK SUT KELUANG MAN

DINO

Sebut sahaja mengenai Keluang Man, sudah pasti antara perkara lain yang mendapat perhatian adalah mengenai sut yang disarungkan pada badan superhero ikonik negara itu.

Bukan mudah untuk menghasilkan sut berkenaan dan sekalung tahniah diucapkan kepada pereka sut Keluang Man iaitu Dino dan juga design karakter bagi sut tersebut iaitu Rosh.

Atas kerjasama dua individu hebat ini telah menterjemahkan konsep rekaan sut Keluang Man kepada realiti.

Sut Keluang Man direka bentuk dengan sentuhan dramatik, mewakili transformasi berani dalam sejarah watak tersebut.

Malah jelas Dino, sepanjang proses mereka bentuk sut berkenaan, beberapa prototaip telah dihasilkan bagi mendapatkan sut sempurna yang selesa dan sesuai dengan tubuh badan pelakon utamanya, Nas Muammar Zar.

"Untuk kain sut Keluang Man, kualiti kain itu tidak boleh main pilih sahaja, kita tidak buat cosplay, kita buat filem yang penuh dengan aksi, babak berlawan extreme.

"Jadi kain itu perlu lebih fleksibel dan real, bila berlawan perlukan banyak pergerakan dan kain itu harus tahan lasak.

"Kita ada beberapa prototaip, jadi kita perbaiki dengan lebih baik dari segi material, yang mana lebih kukuh untuk aksi.

"Kita tidak mahu semua kain latex macam Spiderman sebab baju itu sut taktikal, jadi kena ada kain yang ala ala kevlar, yang nampak keras.

"Jadi kita kena mix kain-kain itu dengan material yang stretchable, terutamanya pada semua bahagian pergerakan badan seperti bawah lengan dan kelangkang," jelasnya.

Filem Keluang Man merupakan terbitan Astro Shaw dengan kerjasama GSC, Idea River Run dan rakan strategik Wonda Kopi, serta produksi Pasal Productions.

Diarahkan oleh Anwari Ashraf, filem ini menampilkan bariskan pelakon antaranya Nas Muammar Zar, Datuk Remy Ishak, Anwaar Beg Moghal, Datuk Rosyam Nor, Shweta Sekhon, Halim Othman, Amelia Henderson, Sham Sunder, Dennis Yin dan ramai lagi.





Puas hati dengan sut kostum Keluang Man

Dalam pada itu, Dino juga berkongsi proses untuk membuat topeng Keluang Man juga tidak mudah kerana perlu berdepan beberapa cabaran sama seperti pembikinan kostum.

Namun selepas melihat hasil lengkap, Dino mengakui, Nas adalah pemilihan yang paling tepat untuk menyarungkan sut superhero original pertama Malaysia, Keluang Man.

"Untuk penghasilan topen pun sebenarnya kita ada beberapa fasa juga sama seperti sut rasmi Keluang Man.

"Kita buat beberapa kali cubaan sebab mahu dapatkan ukuran topeng itu betul-betul fit dengan kepala Nas.

"Sebab itu kita hire sebuah syarikat untuk melakukan scan di bahagian kepala Nas sendiri supaya kita dapat ukuran yang tepat dan cantik.

"Selepas dapat ukuran itu, barulah kita lakukan 3D scan yang materialnya lebih keras, tetapi agak tidak sesuai untuk filem.

"Kalau nak buat kostum tak ada masalah, jadi kita kena ubah material itu kepada yang lebih lembut dan fleksibel.

"Sejujurnya saya berasa puas hati selepas melihat hasil lengkap sut berkenaan dan pada saya Nas adalah orang yang tepat untuk menyarungkan kostum superhero," ujarnya.

Pemilihan warna sut Keluang Man

Tidak dinafikan, ketelitian amat penting dalam membuat kostum superhero, ini termasuklah dari segi pemilihan warna.

Menurut Dino, pemilihan warna juga dilakukan dengan begitu teliti kerana ia memainkan peranan penting bagi menampakkan identiti seorang hero semasa menyarungkan sut berkenaan.

"Pemilihan warna pun sebenarnya agak crucial sebab kita nak dapatkan warna yang cantik. Warnanya seperti purple dan ke arah maroon sedikit, tetapi kita tidak mahu kostum itu nampak feminin.

"Beberapa kali kami berbincang dengan direktor sehinggalah betul-betul dapat warna yang sesuai. Jadi, kita pilih warna yang sedikit gelap supaya nampak lebih maskulin.

"Tempoh membuat sut ini adalah lebih kurang enam bulan. Sebenarnya yang lama itu bukannya nak siapkan baju tetapi untuk proses research dan development (R&D) baju itu.

"Ada banyak fasa-fasa untuk membuat kostum itu seperti bagaimana kita nak dapatkan bentuk yang cantik, bentuk yang sesuai untuk berlawan, material apa yang nak digunakan untuk topeng Keluang Man dan sebagainya," jelas Dino.



Iktibar Di Sebalik Grinder Bercorak Marijuana Yassin

Yassin Yahya pada usia 47 tahun telah menempuh satu pengalaman hidup yang sangat mahal harganya baik buat fizikal mahupun mental. Begitu harum nama sebagai selebriti Malaysia menerusi pembabitan dengan kumpulan lawak terkenal negara, Senario, bukan tiket buat Yassin untuk terlepas daripada undang-undang.

Buktinya Yassin harus membayar kejahilan diri dengan menjadi 'tetamu' di sebuah pusat tahanan buat warga asing di Arab Saudi. Kronologi bermula dengan tanpa plot twist. Menerusi laporan media, Yassin berlepas ke Jeddah untuk menunaikan umrah sekitar enam bulan lalu.

Namun sejak pemergiaan yang diikuti dengan niat suci itu rupanya telah terjadi satu tragedi yang tidak pernah difikir oleh Yassin. Sebaik tiba di di Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdulaziz, Jeddah pada Oktober tahun lalu kerana memiliki ganja.

Ironi menurut Yassin dia tidak membawa dadah atau apapun barangan terlarang bersamanya untuk menunaikan umrah pada waktu itu.

Sebaliknya setelah menjalani proses soal siasat sebelum ditahan, Yassin difahamkan dirinya telah menyalahi undang-undang negara tersebut atas kesalahan membawa barangan bercetak lambang larangan.

Apa sebenarnya yang dibawa bintang filem Man Laksa ini?

Yassin membawa alat pengisar (grinder) dengan corak marijuana yang dibeli bersama sekotak rokok dan rokok kertas sebelum berlepas menunaikan umrah. Akibat salah faham daripada pihak berkuasa sewaktu transit di Madinah, Yassin ditangkap. Dia mengaku masih samar mengenai kesalahan yang dibuat sehingga ditahan dan dipenjarakan. Pelakon, pelawak dan penyanyi ini kemudian telah dimasukkan ke lokap khas tahanan dadah selama 10 hari di Jeddah sebelum ditempatkan di Pusat Pentadbiran dan Pengusiran Warga Negara Asing Jeddah.

Dia kemudian dibicarakan secara atas talian pada 19 November 2024 dan dijatuhi hukuman enam bulan atas kesalahan membawa barangan bercetak lambang larangan. Maka bermulalah episod baharu Yassin di pusat tahanan hanya kerana salah faham mengenai grinder bercorak marijuana yang dibawa. Antara yang didedahkan Yassin dalam pengakuan bersama rakan baiknya, Apek di sebuah podcast, dia terpaksa tidur berdiri di dalam penjara yang sangat padat.

Iktibar

Namun semua mimpi ngeri termasuk kebimbangan kebarangkalian menjalani tempoh tahanan yang lebih lama di Jeddah terhapus. Yassin akhirnya selamat menjalani hukuman enam bulan seperti ditetapkan. Pada akhir bulan April dengan perasaan bercampur baur dia pulang ke tanah air, pulang ke dalam dakapan isteri dan keluarga serta teman-teman yang sentiasa mendoakan keselamatannya sepanjang di sana. Iktibar yang diambil Yassin dalam tragedi yang menimpa dirinya dengan kes yang tidak pernah difikirkan adalah mempunyai ilmu pengetahuan.

"Ini satu pengajaran. Saya nak pesan kalau pergi negara orang, berhati-hatilah. Jangan bawa barang ada lambang larangan.

"Saya tidak mengikuti kursus umrah, jadi saya tidak tahu, tapi inilah akibatnya pergi tanpa ilmu," dedahnya. - MALIAH SURIP

Sensasi Cikgu Buat Kerjaya Guru Dipandang Buruk, Misteri


Perkataan guru berasal daripada bahasa Sanskrit. Ia membawa maksud orang yang patut dimuliakan. Guru juga punya panggilan bahasa basahan lain iaitu cikgu yang membawa maksud pengajar atau pendidik. Sepanjang minggu ini, masyarakat dihebohkan dengan isu membabitkan kredibiliti para pengajar sehingga kerjaya yang sentiasa dipandang mulia itu mula tergores dengan sensasi nakal yang membabitkan nafsu.

Insiden-insiden yang terjadi ironi bukan salah kerjaya tetapi silap individu namun oleh kerana guru sentiasa menjadi pekerjaan baik dan dipandang tinggi maka seluruh institusi ikut terjejas. Apa sahaja kes sensasi berkaitan guru yang membuat kerjaya cikgu dipandang buruk?

1.

Abang Wiring & Cikgu

Sepanjang minggu ini antara kisah guru yang paling banyak mendapat perhatian adalah tentang hubungan terlarang antara seorang lelaki yang menjalankan perkhidmatan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan pendawaian elektrik (wiring) dengan wanita dipercayai cikgu. Hal yang paling jijik adalah keduanya bukan setakat menjalin hubungan terlarang (lelaki suami orang) tetapi telah berzina termasuk melakukan perbuatan luar tabi dan perbualan lucah di antara mereka di WhatsApp telah tersebar di jaringan internet. Isteri 'abang wiring' telah melakukan pertemuan dengan cikgu sementara lelaki tersebut telah secara terbuka membuat permohonan maaf di akaun Facebook miliknya.



2.

Cikgu Malukan Murid

Insiden membabitkan cikgu dan anak murid yang dirakam secara sengaja atau tidak selalu mempunyai dua sisi cerita berbeza. Namun untuk kisah yang satu ini, ramai bersimpati dengan kanak-kanak perempuan yang dimalukan oleh beberapa guru sehingga memberi kesan emosi kepadanya. Menerusi rakaman yang tular, beberapa cikgu didakwa memalukan seorang murid sekolah rendah di hadapan rakan di kantin sekolah yang mana murid berkenaan dipaksa untuk mengaku perkara yang tidak dilakukannya. Setelah menjadi perbincangan pengguna media sosial, cikgu yang terlibat membuat laporan dengan menafikan keterlibatan dirinya. Video tersebut dirakam pada April lalu.



3.

Cikgu Nina & Housemate Pocong

Satu lagi kisah yang menjadi tular di media sosial sepanjang minggu ini adalah tentang pengalaman seorang wanita yang dikenali sebagai Cikgu Nina tinggal serumah dengan pocong. Kisah seram tersebut dikongsikan di beberapa platform media sosial yang antara isinya mendakwa Cikgu Nina telah berpindah ke sebuah rumah sewa dan bukan hanya berkongsi makanan tetapi telah tidur bersama pocong yang telah menghuni rumah sewa itu. Kemuncaknya, Cikgu Nina jatuh sakit dan didakwa telah meninggal dunia beberapa hari selepas kisahnyanya menjadi tular. Ada dalam kalangan pengguna media sosial percaya ini kisah benar sementara sebahagian pula berasa ia hanya satu dongeng yang dicipta. - MALIAH SURIP





Pengarah: Nadia Khan
Pelakon: Hafreez Adam, Ben Amir, Ikmal Amry
Genre: Seram/Misteri

Khalil, seorang pengarah filem terkenal, menerima satu panggilan daripada bekas rakan sekolahnya, Farah, yang memintanya untuk kembali ke sekolah lamanya, bagi menyelesaikan beberapa perkara. Khalil mengimbuai tragedi yang berlaku di sekolahnya pada 10 tahun lalu di mana dia bersama tiga rakan baiknya, Gibbs, KJ dan Troll, dituduh menjadi punca bunuh diri rakan sekelas mereka, Ratna. Ratna telah menamatkan riwayatnya sendiri dengan menggantung diri di auditorium sekolah.



Pengarah: Feroz Kader
Pelakon: Shukri Yahaya, Tony Eusoff, Marisa Yasmin, Isyariana, Adam Lee
Genre: Penyiasatan/Jenayah

Mengisahkan seorang detektif, Detektif Zul yang menyiasat kematian misteri seorang CEO bernama Datuk Roslan yang pada mulanya dipercayai meninggal dunia akibat penyakit jantung. Namun, penyiasatannya membawa dia kepada penemuan rahsia gelap dan dendam yang tersembunyi, mengungkapkan identiti sebenar pembunuh di sebalik kematian tersebut.



Pengarah: Saw Teong Hin
Pelakon: Puteri Balqis, Noorkhiriah, Aerial Zafrel, Amerul Affendi, Naque Ariffin
Genre: Seram

Segala usaha untuk mencari Laila menemui jalan buntu. Iblis kemudiannya muncul sebagai ahli keluarga Luth dan menawarkan pertolongan yang tidak dapat ditolakannya. Laila hidup semula atas imaginasi untuk menceritakan kisah mengerikan tentang misteri kehilangan dan kematiannya. Luth mula hilang pertimbangan sehingga membangkitkan dendam terhadap tunangnya, Murni dan kematian rakannya, Nafis, yang menjadi sebahagian daripada tipu daya iblis.

Ahmad Salam, Zarul Umbrella, Kerana Ego Dominasi Carta GMW

Gempak Most Wanted (GMW) minggu ini menyaksikan Norrisham, Ahmad Salam, dan Christy Ng masing-masing mendahului carta dalam kategori Foodie, Beauty & Fashion serta Lifestyle.



Dalam kategori hiburan digital, Achik Mael muncul sebagai pencipta kandungan paling trending, manakala Zarul Umbrella dan Dina Nadzir mengukuhkan kedudukan sebagai pilihan utama penonton program digital.

Dalam dunia muzik, Kerana Ego oleh Khai Bahar menjadi video muzik paling tular, manakala Bila Nak Kahwin? nyanyian Amira Othman mencetus fenomena sebagai lagu paling trending minggu ini.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)

1. Norrisham
2. Darus Lantak
3. Jason
4. Isaac Osman
5. Sofiaa Marieylla

TOP 5 Digital Creator Trending (Beauty & Fashion)


1. Ahmad Salam
2. Afina Balqis
3. Aeyin
4. Raidah Nurr
5. Nigel Sparks

TOP 5 Digital Creator Trending (Lifestyle)

1. Christy Ng
2. Khyerun
3. Augustin Eng
4. Nabilah Nazib
5. Nadiah Razman

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Achik Mael
2. Zuly Ali
3. Ki Misri
4. The Pretty Mamas
5. Arwind Kumar



The Chosen One Musim Ketiga Kembali

Program pencarian bakat popular Astro, The Chosen One (TCO) kini kembali dengan musim ketiga yang lebih segar, mencabar dan luar biasa!

Selepas menobatkan Amir Sisi dan Kiki Fateeha sebagai juara musim terdahulu, kali ini TCO tampil dengan misi baharu, mencari bukan sahaja suara hebat, tetapi juga bakat persembahan yang unik dan mengagumkan.

Apa sahaja bakat seperti tarian, lakonan, komedi sehinggalah kebolehan bermain alat muzik.

Sama seperti musim sebelum ini, peserta akan digandingkan dengan barisan coach selebriti terkenal tanah air yang sedia membimbing dan mencabar potensi mereka ke tahap tertinggi.

Antara selebriti yang pernah menggalas tugas tersebut adalah Adira Suhaimi, Aisha Retno, Hazama, Aepul Roza, Tomok dan ramai lagi.

Malah sesi uji bakat juga sudah pun dijalankan pada 31 Mei dan 1 Jun 2025.

Drama Dia Bukan Syurga

Drama Dia Bukan Syurga lakonan Ezzanie Jasny, Niezam Zaidi dan Nazim Othman kini menjadi bualan di laman sosial disebabkan watak Nuha.

Nuha yang dilakonkan oleh Ezzanie berkahwin dengan Tajul (Niezam) yang mempunyai masalah mental sehingga sanggup menyakiti isterinya sendiri.

Dia Bukan Syurga yang diarahkan oleh Rashid Sibir ini dibintangi oleh Ezzanie Jasny, Niezam Zaidi, Nazim Othman dan ramai lagi.

Saksikan Dia Bukan Syurga setiap Isnin hingga Khamis, jam 10 malam di Astro One dan sooka.



Vokal Memukau! Nadeera Gamit 350 Penonton Dalam Showcase Pertama

Penyanyi, Nadeera Zaini membuktikan dirinya sudah bersedia untuk membuat persembahan di konsert berskala besar menerusi showcase sulungnya, *An Evening With Nadeera* yang berlangsung di Nero Event Space, PJPAC, 1 Utama. Dengan vokal yang sangat memukau, Nadeera berjaya menghiburkan 350 penonton yang hadir dengan 10 buah lagu Emas, *Fatwa Pujangga*, *Tanpa Dendam Di Hati* dan *Illusion* (Dua Lipa).

Peminat juga dikejutkan dengan kehadiran penyanyi, Dayang Nurfaizah yang muncul untuk berduet bersama Nadeera menerusi lagu *Hakikat Cinta*. Nadeera turut menyampaikan lagu *Kau Di Hatiku* khas buat mentornya, Datuk Zainal Abidin yang turut hadir pada showcase tersebut.

Melengkapkan persembahan pada malam tersebut, Nadeera menutup showcase tersebut dengan lagu hitnya *Bukan Lagi Kita*. Sekadar info, tiket showcase Nadeera habis terjual hanya dalam masa tiga minit selepas ia dibuka untuk jualan.



Boyz II Men Hidupkan Semula Kenangan R&B 90-an Di Mega Star Arena

Mega Star Arena, Kuala Lumpur bergema dengan sorakan dan nyanyian penuh emosi apabila kumpulan R&B legenda, Boyz II Men, kembali mengubati rindu peminat pada malam Ahad lalu.

Persembahan dimulakan dengan DJ Skeletor yang menghangatkan pentas dengan lagu-lagu ikonik era 80-an hingga 2000-an sebelum Boyz II Men memulakan persembahan dengan *Can't Let Her Go* dan *Don't Stop 'Til You Get Enough*.

Suasana bertambah syahdu apabila lagu-lagu seperti *On Bended Knee*, *Please Don't Go* dan *Four Seasons of Loneliness* dimainkan, membawa penonton menyelusuri memori cinta dan kehilangan.

Menambah keistimewaan malam itu, mereka turut menghadiahkan bunga ros kepada penonton terpilih semasa menyanyikan lagu ikonik *I'll Make Love to You*.

Konsert selama dua jam itu ditutup dengan lagu *Motownphilly*, menandakan penutup yang sempurna bagi malam penuh nostalgia.





Financial Faiz

@financialfaiz 

Lanjut Umur Persaraan Jejas Peluang Kerja Anak Muda

Pendidik kewangan, Faiz Azmi, tampil memberikan pandangan berhubung cadangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, untuk menaikkan umur persaraan wajib penjawat awam daripada 60 kepada 65 tahun. Menurut Faiz, langkah ini berpotensi menyekat peluang pekerjaan kepada graduan baharu yang ingin menyertai sektor awam.

Malah, penjawat awam sedia ada juga sukar untuk naik pangkat.

"Bila penjawat awam ini tak nak lepaskan posisi dia, pelajar-pelajar fresh grad semua terperangkap untuk tunggu giliran mereka bekerja.

"On top of that orang yang tenga kerja kerajaan pun naik pangkat pun susah," katanya.

Meskipun tidak menolak cadangan tersebut secara keseluruhan, Faiz berpendapat bahawa pelaksanaannya perlulah bersifat pilihan dan bukan diwajibkan untuk semua.


Tambah Faiz, tidak semua individu yang berusia 60 tahun dan ke atas masih mempunyai semangat serta motivasi untuk terus berkhidmat.


Maka, golongan sebegini sepatutnya dibenarkan untuk bersara, sekaligus membuka ruang kepada tenaga kerja baharu.

"Bukannya saya tak setuju, kalau kita nak lanjutkan umur persaraan sampai 65 tahun kena bagi option siapa yang sihat dan nak kerja boleh teruskan tapi jangan paksa semua sekali.

"Dan yang paling penting bukan semua boleh terutama sekali bila kita dah tahu orang tu dah umur 60 tahun dia dah tak ada semangat untuk bekerja orang macam ni dibenarkan untuk bersara.

"Supaya kita boleh bukap peluang pekerjaan itu kepada mereka yang lebih semangat macam budak-budak baharu untuk meneruskan kerja tersebut dan belajar benda-benda baharu," jelasnya.





Perak #1 In English

Perak has been ranked first among all Malaysian states in English proficiency, according to the EF English Proficiency Index (EF EPI) 2023. The state surpassed other strong contenders like Kuala Lumpur, Penang, and Selangor, which came in sixth place.

Overall, Malaysia was placed 25th out of 113 countries globally, maintaining its status as a "High Proficiency" nation.

The EF EPI is based on test results from over 2.2 million adults worldwide, offering insights into how well countries and regions use English as a second language.



RM250 Fine For Feeding Pigeons

Feeding wild pigeons in public areas can get you fined up to RM250, according to Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

This rule is part of efforts to control the pigeon population and maintain cleanliness, as pigeon droppings can spread diseases and damage buildings, especially in tourist spots like Dataran Merdeka and Masjid Jamek.

DBKL urges the public to avoid feeding pigeons and follow the rules to help keep the city clean and safe.



Pay What You Want For A Book!

BookXcess at The Rooftop in Ara Damansara has a unique section where customers can pay any amount they choose for a book, with no fixed prices.

This "Pay What You Want" concept aims to make reading more accessible and affordable for everyone, encouraging people from all walks of life to pick up a book regardless of their budget.

Read more at www.rojakdaily.com